



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**HUBUNGAN ANTARA PERSONALITI, SALAH LAKU DAN  
PENCAPAIAN AKADEMIK MAHASISWA LEPASAN SIJI TINGGI  
PELAJARAN MALAYSIA DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM**

**SIAW YAN LI.**

**FPP 2005 32**



**HUBUNGAN ANTARA PERSONALITI, SALAH LAKU DAN PENCAPAIAN  
AKADEMIK MAHASISWA LEPASAN SIJIL TINGGI PELAJARAN  
MALAYSIA DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM**

**Oleh**

**SIAW YAN LI**

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, University Putra  
Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sains**

**Jun 2005**



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains.

**HUBUNGAN ANTARA PERSONALITI, SALAH LAKU DAN PENCAPAIAN  
AKADEMIK MAHASISWA LEPASAN SIJIL TINGGI PELAJARAN  
MALAYSIA DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM**

Oleh

**SIAW YAN LI**

**Jun 2005**

**Pengerusi : Profesor Madya Rahil Mahyuddin, PhD**

**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengkaji hubungan antara personaliti, salah laku dan pencapaian akademik mahasiswa lepasan STPM. Kajian turut meninjau kaitan antara latar belakang mahasiswa dengan personaliti. Latar belakang yang dikajikan adalah jantina, kedudukan mahasiswa dalam susunan adik-beradik, tahap pendidikan ibubapa mahasiswa dan pendapatan bulanan ibubapa mahasiswa.

Sampel kajian seramai 372 orang mahasiswa (180 lelaki, 192 perempuan) adalah terdiri daripada pelajar semester pertama di 12 buah kolej kediaman di Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor. Mahasiswa tersebut adalah dari lepasan STPM tahun 2002. Inventori Personaliti Eysenck Junior dan Laporan Salah Laku Diri digunakan.

Ujian korelasi Pearson menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang negatif signifikan antara skor ekstrovert dengan keputusan STPM iaitu  $r = -0.191$ ,  $p < 0.01$ ,



manakala terdapat hubungan yang positif signifikan antara skor neurotik dengan keputusan STPM ( $r = 0.177$ ,  $p < 0.01$ ).

Dalam ujian t, dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara lelaki dan perempuan dengan skor neurotik iaitu  $t = 2.493$ ,  $p < 0.05$ . Manakala, dapatan kajian menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara lelaki dan perempuan dengan skor ekstrovert,  $t = 0.555$ ,  $p > 0.05$ .

Ujian khi kuasa-dua menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan antara latar belakang mahasiswa dengan personaliti kecuali kedudukan pelajar dalam susunan adik-beradik.

Secara ringkasnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa kini matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam melahirkan individu yang seimbang dari segi ilmu dan personaliti telah dicabar. Individu yang cemerlang akademik tidak semestinya mempunyai personaliti yang memuaskan. Di samping itu, latar belakang seseorang individu masih memainkan peranan yang penting dalam perkembangan personaliti seseorang individu.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**THE RELATIONSHIP BETWEEN PERSONALITY, BEHAVIORAL  
PROBLEM AND ACADEMIC ACHIEVEMENT OF STPM  
UNDERGRADUATE STUDENT IN IPTA**

By

**SIAW YAN LI**

**Jun 2005**

**Chairman : Associate Professor Rahil Mahyuddin, PhD**

**Faculty : Educational Studies**

The objectives of this study were to examine the relationship between the personality, behavioral problem and the academic achievement of the undergraduate students. This study also looked into the association between students' background with their personalities. These included gender, birth order in the family, parental educational level and parents' income.

The sample made up of a total of 372 undergraduate students had been examined, which comprised of 180 male and 192 female. All the respondents were STPM holders for year 2002. The questionnaire comprised Junior Eysenck Personality Inventory, and Self Report on Behavioral Problem.



The Pearson correlation tests showed that there was a negative significant relationship between the respondents' STPM result with the extrovert scores ( $r = -0.191, p < 0.01$ ), and a positive significant relationship between the respondents' STPM result with the neuroticms scores ( $r = 0.177, p < 0.01$ ).

The t-test showed differences between male and female students with the neurotic scores;  $t = 2.493, p < 0.05$ . However, results showed that there is not significant differences between the male and female students with the extrovert scores;  $t = 0.555, p > 0.05$ .

Chi-square analysis showed that there was a significant relationship between respondents background with the personality, except the birth order of the respondents.

In summary, the results of this study showed that the objective of "Falsafah Pendidikan Kebangsaan" is to produce individuals with good educational achievement and positive personality, is no being challenged. Students with glorious academic achievement might not have good personality or vice versa. Besides, the respondents' background played an important role in individual personality development.

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada penyelia tesis saya iaitu Prof Madya Dr Rahil Mahyuddin, Dr Samsilah Roslan dan Prof Madya Dr Rohani Tarmizi, atas tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan oleh mereka. Mereka sudi meluangkan masa keemasan untuk membantu saya dalam menyelesaikan masalah yang saya hadapi selama ini. Selain itu, nasihat yang diberikan oleh mereka telah membantu saya dalam membaiki diri dan menyelesaikan masalah untuk menyediakan tesis ini.

Penghargaan dan terima kasih juga ditunjukkan kepada pensyarah lain seperti Dr Bustam, Prof. Dr Habibah Elias dan Prof Madya Dr Sidek Mohd Noah yang secara langsung atau tidak langsung telah banyak memberi dorongan dan penerangan untuk saya. Selain itu, sumbangan dari pegawai di Bahagian HEM dan Unit Perumahan, Universiti Putra Malaysia juga amat dihargai. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada En. Lim Ming Teong, Pn. Leong Siew Hou dan Pn.Saedah yang menolong saya dalam pengesahan soal selidik. Fasilitator dan ketua blok di setiap kolej kediaman UPM yang telah memberi kerjasama kepada saya semasa menjalankan sesi soal selidik juga amat saya hargai.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli keluarga saya terutamanya suami saya, En Hoh Boon Peng. Tanpa sokongan dan bantuan mereka saya tidak akan menyempurnakan tesis ini. Segala pengalaman dan proses yang dialami akan menjadi satu ilmu pengetahuan dan kemahiran saya pada masa depan.



Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi bantuan kepada saya. Sekian, terima kasih.

SIAW YAN LI



## JADUAL KANDUNGAN

|                                   | Halaman |
|-----------------------------------|---------|
| <b>ABSTRAK</b>                    | ii      |
| <b>ABSTRACT</b>                   | iv      |
| <b>PENGHARGAAN</b>                | vi      |
| <b>PENGESAHAN</b>                 | viii    |
| <b>PERAKUAN</b>                   | x       |
| <b>SENARAI JADUAL</b>             | xv      |
| <b>SENARAI RAJAH</b>              | xvi     |
| <b>GLOSARI</b>                    | xvii    |
| <br>                              |         |
| <b>1</b>                          |         |
| <b>Pengenalan Kajian</b>          |         |
| 1.1    Pendahuluan                | 1       |
| 1.2    Pernyataan Masalah         | 5       |
| 1.3    Objektif Kajian            | 8       |
| 1.4    Persoalan Kajian           | 8       |
| 1.5    Hipotesis Kajian           | 10      |
| 1.6    Definisi Operasional       | 11      |
| 1.6.1    Pencapaian Akademik      | 11      |
| 1.6.2    Personaliti              | 11      |
| 1.6.3    Salah Laku               | 13      |
| 1.6.4    Mahasiswa                | 14      |
| 1.6.5    IPTA                     | 14      |
| 1.7    Kepentingan Kajian         | 15      |
| 1.8    Kerangka Konseptual Kajian | 17      |

|          |                           |  |
|----------|---------------------------|--|
| <b>2</b> | <b>TINJAUAN LITERATUR</b> |  |
|          | 2.1                       | Persoanliti 22   |
|          | 2.2                       | Salah Laku 29  |
|          | 2.3                       | Kajian Lepas 31  |
|          | 2.3.1                     | Hubungan Personalit,Salah Laku dan Pencapaian Akademik |
| <br>     |                           |  |
| <b>3</b> | <b>METODOLOGI</b>         |  |
|          | 3.1                       | Reka Bentuk Kajian 36                                  |
|          | 3.2                       | Tempat Kajian 37                                       |
|          | 3.3                       | Subjek Kajian 38                                       |
|          | 3.3.1                     | Populasi Kajian 38                                     |
|          | 3.3.2                     | Sampel Kajian 38                                       |
|          | 3.4                       | Instrumentasi 42                                       |
|          | 3.4.1                     | Soal Selidik 43  |
|          | 3.5                       | Kajian Rintis 51                                       |
|          | 3.5.1                     | Kesahan Kajian 51                                      |
|          | 3.5.2                     | Kebolehpercayaan 53                                    |
|          | 3.6                       | Tatacara Pengumpulan Data 55                           |
|          | 3.7                       | Tatacara Penganalisan Data 56                          |
|          | 3.7.1                     | Statistik Deskriptif 57                                |
|          | 3.7.2                     | Statistik Inferensi 57                                 |



|          |   |     |
|----------|---|-----|
| <b>4</b> | <b>DAPATAN KAJIAN</b>                                 |     |
|          | 4.1 Demografi dan Analisis Deskriptif                 | 58  |
|          | 4.1.1 Jantina   | 58  |
|          | 4.1.2 Latar Belakang Responden                        | 59  |
|          | 4.1.3 Salah Laku                                      | 65  |
|          | 4.1.4 Personaliti                                     | 66  |
|          | 4.1.5 Keputusan STPM                                  | 66  |
|          | 4.2 Analisis Inferensi                                | 68  |
|          | 4.2.1 Ujian Korelasi Pearson                          | 68  |
|          | 4.2.2 Ujian t   | 71  |
|          | 4.2.3 Ujian Khi Kuasa Dua                             | 72  |
|          | 4.3 Rumusan   | 74  |
| <b>5</b> | <b>PERBINCANGAN</b>                                   |     |
|          | 5.1 Ringkasan Kajian                                  | 77  |
|          | 5.2 Perbincangan Dapatan Kajian                       | 82  |
|          | 5.2.1 Personaliti, Salah Laku dan Pencapaian Akademik | 82  |
|          | 5.2.2 Latar Belakang dengan Personaliti               | 85  |
|          | 5.3 Implikasi Kajian                                  | 88  |
|          | 5.4 Cadangan Kajian Lanjutan dan Kesimpulan           |     |
|          | <b>BIBIOGRAFI</b>                                     | 94  |
|          | <b>LAMPIRAN</b>                                       | 99  |
|          | <b>BIODATA PENULIS</b>                                | 100 |



## SENARAI JADUAL

| Jadual |  | Halaman |
|--------|--|---------|
| 3.1    | Saiz sample mengikut kolej kediaman                            | 41      |
| 3.2    | Gred pengiraan STPM  | 44      |
| 3.3    | Kaedah permarkahan Inventori Personaliti Eyenck Junior         | 47      |
| 3.4    | Kebolehpercayaan alat kajian                                   | 54      |
| 4.1    | Taburan responden mengikut jantina                             | 58      |
| 4.2    | Kedudukan responden dalam susunan adik-beradik                 | 60      |
| 4.3    | Jumlah pendapatan bulanan ibubapa responden                    | 61      |
| 4.4    | Tahap pendidikan ibu responden dengan personaliti              | 63      |
| 4.5    | Tahap pendidikan bapa responden dengan personaliti             | 64      |
| 4.6    | Min bagi skor salah laku berdasarkan jantina                   | 65      |
| 4.7    | Taburan responden mengikut trait personaliti                   | 66      |
| 4.8    | Taburan responden mengikut jantina dan keputusan STPM          | 67      |
| 4.9    | Interpretasi pekali korelasi (Johnson and Nelson, 1986)        | 68      |
| 4.10   | Hubungan keputusan STPM dengan personaliti dan salah laku      | 69      |
| 4.11   | Hubungan antara skor personaliti dengan skor salah laku        | 70      |
| 4.12   | Perbezaan antara jantina dengan skor personaliti               | 71      |
| 4.13   | Min bagi skor ekstrovert dan skor neurotik berdasarkan jantina | 72      |
| 4.14   | Perkaitan antara personaliti dengan latar belakang Mahasiswa   | 73      |



## SENARAI RAJAH

| Rajah   | Halaman |
|---|---------|
| 1.1 Kerangka konseptual kajian                    | 21      |
| 2.1 Hierarki Personaliti – Teori Eysenck 1965     | 26      |
| 3.1 Kudrant Personaliti JEPI                      | 45      |
| 4.1 Jumlah skor salah laku dan bilangan responden | 65      |
| 5.1 Ringkasan kajian                              | 81      |



## GLOSARI

|      |  |
|------|--|
| SES  | Sosioekonomi                               |
| STPM | Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia            |
| EPQ  | Eysenck Personality Questionnaire          |
| GPA  | Grade Point Average                        |
| JEPI | Junior Eysenck Personality Inventory       |
| N    | Neurotik/ Neurotisme                       |
| I    | Introvert                                  |
| E    | Ekstrovert                                 |
| L    | Lie  |
| SPSS | Statistical Package for the Social Science |
| UPM  | Universiti Putra Malaysia                  |
| NE   | Neurotik -Ekstrovert                       |
| NI   | Neurotik- Introvert                        |
| SE   | Stabil –Ekstrovert                         |
| SI   | Stabil -Introvert                          |



## **BAB I**

### **Pengenalan Kajian**

#### **1.1 Pendahuluan**

Dalam tahun-tahun menuju ke arah kemerdekaan, telah timbul kesedaran di kalangan pemimpin dan rakyat Malaysia tentang betapa mustahaknya mengadakan satu sistem pendidikan kebangsaan untuk menggantikan sistem pendidikan penjajah bagi memenuhi kehendak negara. Atas kesedaran ini, lahirlah satu Dasar Pendidikan Kebangsaan melalui Penyata Razak 1956 dan dimaktubkan dalam Ordinan Pelajaran, 1957 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001).

Dasar pendidikan ini telah disemak semula pada tahun 1960 dan menghasilkan Laporan Rahman Talib. Laporan Rahman Talib ini kemudian dimaktubkan dalam Akta Pelajaran, 1961. Selepas itu, sebuah jawatankuasa kabinet telah ditubuhkan dalam tahun 1974 untuk mengkaji semula dasar pendidikan dengan tujuan untuk memperbaiki pelaksanaannya supaya matlamat untuk melahirkan satu masyarakat yang bersatupadu dan berdisiplin serta memenuhi keperluan tenaga rakyat yang terlatih bagi pembangunan negara dapat dicapai. Laporan jawatankuasa ini telah diterbitkan pada tahun 1979.

Sehubungan dengan ini, Falsafah Pendidikan Kebangsaan dibentuk berasaskan kepada hasrat serta aspirasi negara dalam memberi penekanan kepada usaha melahirkan insan yang berilmu dan berakhlak, seimbang dan harmoni, yang boleh

mencapai kesejahteraan diri dan memberi sumbangan kepada keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Ini merupakan satu matlamat yang terpenting bagi Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah menyatakan bahawa:

*“ Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani, berdasarkan kepercayaan kepada tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat, dan negara.”*

Berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan jelas menunjukkan bahawa matlamat negara adalah untuk melahirkan insan yang berpengetahuan dan mempunyai personaliti yang sempurna. Menurut Ishak Haron (1992), pendidikan merupakan “input” penting untuk melahirkan individu sempurna bagi menjayakan Wawasan 2020 (Abu Bakar Nordin, 1994).

Dalam konteks negara kita, fungsi yang paling jelas dimainkan oleh pendidikan dapat dibahagikan kepada empat kategori iaitu pertama, meluaskan pengetahuan dan kemahiran tertentu; kedua, sebagai alat perpaduan; ketiga, membentuk moral serta perkembangan individu dan keempat, menyediakan masyarakat untuk masa depan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001).



Dalam usaha mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, kejayaan telah dicapai oleh pihak pendidikan di mana semakin ramai rakyat Malaysia yang berpengetahuan telah dilahirkan di bawah Sistem Pendidikan Malaysia selama 47 tahun sejak kemerdekaan. Kesedaran tentang kepentingan pendidikan yang dipupuk oleh pihak yang berkenaan di kalangan rakyat Malaysia telah menyebabkan bilangan individu yang melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi semakin meningkat.

Secara umumnya, pendidikan yang diberi di negara kita, sama ada secara terancang mahupun tidak, yang teratur secara formal mahupun tidak formal, diharap dapat membentuk perkembangan keseluruhan individu. Perkembangan ini merangkumi perkembangan kognitif, afektif dan kebolehan atau kemahiran fizikal dan sosial. Menurut Rokiah (1998), perkembangan dalam semua aspek ini akan membawa kepada perkembangan dan kematangan personaliti seseorang individu.

Personaliti seseorang pula dapat kita ertikan sebagai gabungan sistem pemikiran psikologikal dan fizikal di dalam dirinya yang mempengaruhinya apabila dia bertindak dan menyesuaikan diri terhadap keadaan sekeliling. Emosi, kematangan, sikap, tabiat, nilai, kepercayaan, sentimen dan kebolehan berdikari adalah sebahagian daripada personaliti yang dimaksudkan itu. Personaliti yang menentukan cara seseorang itu bertindak terhadap keluarga dan masyarakat (Allport, 1980; Abdul Majid & Rahil, 1997; Muragiah, 1996; Boon & Ragbir, 1998).

Maka kesimpulannya pendidikan bukan sahaja ingin melahirkan insan yang berilmu pengetahuan tetapi juga insan yang mempunyai personaliti yang sempurna. Ekoran ini, kajian ini bertujuan membincangkan sejauhmana pelajar di Malaysia berjaya mencapai matlamat yang ditetapkan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pengkaji meninjau persoalan ini berdasarkan pencapaian akademik mahasiswa dalam peperiksaan STPM serta personaliti mereka. Keputusan STPM diambilkira kerana mahasiswa lepasan STPM merupakan individu yang melalui seluruh Sistem Pendidikan Malaysia iaitu dari peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat tingkatan enam atau pra-universiti. Model Perkembangan Erikson telah menekankan bahawa sepanjang tahun persekolahan tersebut sekurang-kurangnya 5 tahap perkembangan personaliti akan berlaku. Selain itu berdasarkan maklumat dari perpustakaan, kajian tentang keputusan peperiksaan STPM tidak pernah dijalankan oleh pengkaji lain. Di samping itu, definisi yang menunjukkan personaliti mempengaruhi tingkah laku turut mendorong pengkaji mengkaji hubungan antara personaliti, salah laku dan keputusan STPM untuk mengenalpasti sama ada wujud perhubungan antara personaliti, tingkah laku dengan pencapaian akademik mahasiswa. Akhirnya, perkaitan antara latar belakang mahasiswa dengan personaliti turut ditinjau.

## 1.2 Penyataan Masalah

Di Malaysia pendidikan sekolah diertikan sebagai pendidikan formal yang dijalankan dari peringkat rendah; iaitu darjah satu (umur 7 tahun) hinggalah ke tingkatan enam atau pra-universiti (umur 17 tahun). Ia dihadkan kepada pendidikan sepertimana yang terdapat di sekolah kerajaan (Robiah, 1998)

Memang tidak dapat dinafikan sejak kebelakangan ini sistem pendidikan di negara telah berjaya meningkatkan kuantiti individu yang berilmu pengetahuan. Peratusan kelulusan peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM semakin tahun semakin meningkat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001). Namun, adakah kuantiti yang dihasilkan setara dengan kualiti dari segi ilmu dan personaliti? Adakah perkembangan ilmu di kalangan pelajar turut diikuti dengan perkembangan personaliti yang sempurna?

Dalam sistem pendidikan kini, perlumbaan untuk memperoleh kecemerlangan dalam peperiksaan telah menjadi satu agenda penting di sekolah. Akibatnya, tumpuan pelajar dan guru sendiri terhadap persoalan nilai dalam proses pengajaran dan pembelajaran semakin berkurangan (Habibah, 1997). Keadaan ini telah menjejaskan matlamat ke arah perkembangan individu yang seimbang seperti yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Tumpuan yang lebih menuju ke arah perkembangan intelek telah menyebabkan perkembangan dan pertumbuhan personaliti remaja terjejas (Tay, 2000).

Hal ini jelas dibuktikan apabila jumlah pelajar yang terlibat dalam kes disiplin semakin meningkat. Remaja kini semakin berani melakukan perkara yang tidak bermoral. Perbuatan seperti tidak mematuhi peraturan, lewat masuk kelas, ponteng kelas, merosakkan harta benda, membuat bising, terlibat dalam kumpulan kongsi gelap dan seumpamanya seolah-olah telah menjadi satu perkara biasa di sekolah kita ketika ini (Noran, 1997). Sekiranya ditinjau dari sudut masalah sosial remaja pula, keadaan semakin membimbangkan. Pengaruh nilai negatif terutama menjelang abad 21 semakin hebat. Banyak pihak mula berasa cemas tentang penglibatan remaja dalam masalah sosial. Penglibatan para remaja dalam salah laku seperti bohsia, seks bebas, penyalahgunaan dadah, homoseksual, buang bayi, berkelakuan tidak senonoh amat ketara dan semakin serius.

Masalah salah laku ini akan bertambah buruk apabila pelajar mula menjejak kaki ke bidang pekerjaan terutamanya dalam negara yang sedang membangun seperti Malaysia. Ini kerana individu secara tidak langsung turut melibatkan diri dalam pembangunan negara. Ada di antara individu yang tertekan dan tidak dapat mengawal diri dalam situasi yang mencabar ini, maka dengan ini wujudlah pelbagai masalah atau kes jenayah seperti bunuh diri, merompak, sakit jiwa, kes membunuh, kes rogol dan sebagainya. Ini berlaku kerana individu sendiri tidak dapat mengawal tingkah laku mereka apabila dalam keadaan yang bermasalah, tercabar atau tertekan. Kini masalah tersebut bukan sahaja ditemui di kalangan individu yang datang dari latar belakang yang kurang bahagia atau tidak berpendidikan tetapi turut melibatkan golongan profesional yang dikatakan berpengetahuan tinggi (Tay, 2002).

Memandangkan remaja menghabiskan separuh daripada masa harian mereka di sekolah, maka pihak pendidik memainkan peranan yang penting dalam membantu perkembangan personaliti remaja supaya dapat menangani masalah salah laku dan masalah sosial yang semakin serius. Untuk meningkatkan mutu sistem pendidikan bagi mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam membina insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani, dasar pendidikan telah digubal dan disesuaikan berkali-kali oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan pelbagai langkah untuk menangani masalah salah laku di sekolah menengah. Antaranya, mengadakan jawatan guru penolong kanan hal ehwal pelajar, guru kaunseling sepenuh masa, kem-kem motivasi dan seumpamanya. Walau bagaimanapun, masalah salah laku terus meningkat pada setiap masa, sama ada dari segi peratusan, mahupun dari segi kepelbagaian.

Maka, dalam kajian ini tujuan utama pengkaji adalah untuk meninjau hubungan antara personaliti dengan pencapaian akademik serta salah laku mahasiswa bagi melihat dan membincangkan tahap kejayaan pendidikan dalam memupuk dan menghasilkan individu yang sempurna dari segi ilmu dan personaliti.

### **1.3 Objektif Kajian**

Matlamat utama bagi kajian ini adalah untuk melihat hubungan antara personaliti salah laku dan pencapaian akademik mahasiswa lepasan STPM di IPTA. Berkaitan dengan matlamat tersebut, objektif kajian adalah:

1. Mengenalpasti trait personaliti mahasiswa.
2. Meperlihatkan tahap pencapaian mahasiswa dalam peperiksaan STPM.
3. Mengenalpasti skor salah laku mahasiswa.
4. Melihat hubungan antara personaliti dengan pencapaian mahasiswa dalam peperiksaan STPM.
5. Melihat hubungan antara salah laku dengan pencapaian mahasiswa dalam peperiksaan STPM.
6. Melihat hubungan antara personaliti dengan salah laku mahasiswa.
7. Mengkaji perkaitan antara trait personaliti dengan faktor demografi mahasiswa.

### **1.4 Persoalan Kajian**

Berdasarkan objektif kajian, berikut merupakan persoalan bagi kajian ini:

1. Apakah trait personaliti mahasiswa?
2. Apakah skor pencapaian mahasiswa dalam peperiksaan STPM?
3. Apakah skor salah laku mahasiswa?
4. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara keputusan STPM dengan skor neurotik mahasiswa?